



Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, pada Dialog Perdana Transformasi Nasional 2050 yang berlangsung di Dewan Tunku Canselor UM, Januari lalu.

# Universiti sasar kedudukan terbaik dunia, lahir graduan hebat

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan  
ffarhana@bh.com.my

Kuala Lumpur

Melakar nama universiti di kedudukan atas dalam kelompok terbaik dunia dan menjadi pilihan pertama calon untuk melanjutkan pelajaran, serta melahirkan graduan hebat yang dilengkapi kemahiran tambahan.

Demikian antara azam pihak pengurusan universiti awam (UA) tatkala melangkah ke tahun baharu 2018, sekali gus bersedia menghadapi cabaran dan persaingan sihat untuk memacu bidang pendidikan tinggi negara di persada global.

Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris, berkata seiring moto ‘Berilmu Berbakti’, universiti itu membangunkan Pelan Transformasi 2025 bagi melestarikan kecemerlangan,

selain terus memfokus pada kualiti kerja berkesan, menampung keperluan dan tuntutan teknologi semasa, serta membawa perubahan kepada masyarakat.

## Tingkatkan sahsiah pelajar

Katanya, antara perancangan diusahakan ialah memberi perhatian terhadap impak Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0) bagi memastikan graduan masa depan memiliki nilai kebolehpasaran dan peradaban tinggi.

Beliau berkata, perancangan lain ialah meningkatkan kecemerlangan melalui pengukuhan semangat kekitaan; mendekatkan tokoh industri, korporat dan masyarakat dengan universiti; serta mengglobalkan konsep keserakahan dan kesepuannya melalui kerjasama strategik dengan universiti di beberapa benua.

“UPM juga akan meningkatkan sahsiah pelajar melalui pemerkasaan pro-

gram kesukarelawanan dan keusahawanan, serta memperkuuh ukhuwah dan peranan alumni dalam membangunkan kapasiti universiti bagi kecemerlangan global.

“Selain itu, alumni sebagai duta UPM ke seluruh dunia kerana mereka penggerak penting untuk menambah nilai dan keterlihatan universiti ini di persada global,” katanya.

## Buat perubahan

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaya (UM), Prof Datuk Dr Rohana Yusof, berkata kejayaan universiti itu menduduki tangga ke-114 terbaik dunia hasil penarafan antarabangsa, menyemarakkan semangat warganya untuk meletakkan nama UM dalam senarai 100 terbaik dunia.

Sehubungan itu, beliau berkata, UM akan membuat perubahan sewajarnya dari aspek penyelidikan pada peringkat tempatan dan

antarabangsa, malah menggalakkan lebih banyak jalinan kerjasama dengan pihak luar.

“UM akan berusaha meningkatkan pencapaian bagi memenuhi enam petunjuk prestasi utama dinilai dalam penarafan Quacquarelli Symonds (QS), iaitu reputasi akademik (40 peratus), reputasi majikan (40 peratus), nisbah pelajar kepada pensyarah (20 peratus), nisbah sitasi (petikan) kepada pensyarah (20 peratus), pensyarah antarabangsa (lima peratus) dan pelajar antarabangsa (lima peratus).

“Pengurusan tertinggi universiti akan membuat pengumuman lanjut mengenai sasaran serta harapan UM sepanjang tahun depan dan seterusnya,” katanya.

## Agenda tiga tahun

Sementara itu Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata universiti berkenaan men-

yasarkan agenda tiga tahun bermula tahun ini untuk menjadi pilihan nombor satu di Malaysia dan rantau dalam bidang pengajian pendidikan.

Bagi mencapai sasaran itu, katanya, UPSI kini giat memperkuuh penjenamaan, ‘packaging’, pemasaran dan penempatan, sekali gus cemerlang sebagai universiti pilihan menjelang 2020.

Beliau berkata, UPSI berazam menjadi sebuah universiti rujukan, mewujudkan pedagogi pengajaran di luar kotak berbanding kaedah konvensional, dan memastikan graduan mampu mereka cipta kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) berkesan untuk pelajar.

“Universiti ini mahu masyarakat menyaksikan graduan dihasilkan UPSI mampu mencipta suasana PdP menarik sehingga pelajar akan berasa bosan, kerugian dan sedih apabila tidak ke sekolah,” katanya.

## Reaksi



Strategi keterlihatan dan kesohoran akan terus diperkasa sepanjang 2018 bagi memastikan UPM

mampu menjadi universiti pilihan pertama bukan sahaja dalam kalangan pelajar tetapi juga penyelidik dan industri pada peringkat kebangsaan serta antarabangsa”

**Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris,**  
Naib Canselor UPM



Azam UPSI selama tiga tahun bermula September lalu ialah melahirkan graduan yang bukan hanya memiliki ijazah dan kemahiran insaniah tetapi juga sijil kemahiran diiktiraf pihak berwajib serta skil tambahan kerana kita mahu mereka berada selangkah di hadapan berbanding lulusan institusi lain”

**Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran,**  
Naib Canselor UPSI